

03/03/2004

Peluang baik tawan Kelantan, Terengganu: Dr M

Badrila Jamlus

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN) mempunyai peluang baik untuk menguasai semula Kelantan dan Terengganu pada Pilihan Raya Umum ke-11 yang dijangka diadakan pada bila-bila masa saja.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, peluang BN untuk mendapat kemenangan besar pada pilihan raya kali ini lebih baik berbanding Pilihan Raya Umum 1999.

"Saya yakin pilihan raya tahun ini lebih baik berbanding pilihan raya lalu kerana pada tahun itu, isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dieksploitasi oleh sesetengah pihak.

"Bagaimanapun, semua pihak kini dapat menerima kenyataan dan apa yang dilakukan kerajaan adalah betul. Saya yakin BN mampu menang dengan majoriti dua pertiga pada Pilihan Raya Umum ke-11 tahun ini," katanya.

Beliau yang ditemui pemberita selepas menghadiri majlis sidang akhbar mengenai perkembangan projek pembangunan mikro cip Malaysia (MM Chip) di sini semalam, menyatakan keyakinannya itu ketika diminta mengulas mengenai peluang BN pada pilihan raya umum kali ini.

Dr Mahathir juga mengulangi janjinya untuk membantu kempen BN pada pilihan raya umum ini.

Ditanya sama ada beliau sudah dijemput BN dan Umno untuk membantu kempen, Dr Mahathir berkata, tarikh pilihan raya belum diumumkan lagi dan program mengenainya juga belum diketahui.

Dr Mahathir yang tidak akan bertanding pada pilihan raya kali ini, berkata beliau menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti bagi mengisi kerusi Parlimen Kubang Pasu yang dikosongkannya.

"Saya bersedia menerima sesiapa saja yang dicalonkan untuk bertanding di kawasan itu," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga yakin BN akan mendapat mandat lebih dua pertiga untuk terus memerintah.

Abdullah dilaporkan berkata, BN akan menang besar tanpa mengira sama ada pilihan raya diadakan serentak dengan DUN Sabah atau secara berasingan.

Perdana Menteri juga yakin BN Kedah mampu menang dengan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum ini.

Beliau berkata, ketika ini BN Kedah tidak menghadapi sebarang masalah, malah beliau sentiasa memantau keadaan untuk memastikan segala masalah yang timbul dapat diselesaikan secepat mungkin.